

# UPMKB telah menganjurkan forum keharmonian

**BINTULU:** Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) telah menganjurkan forum yang mengupas tajuk 'Penguasaan Sejarah Dasar Keharmonian Malaysia Madani' di Dewan Sri Kenyalang UPMKB di sini sempena Hari Kebangsaan kelmarin.

Ahli-ahli panelnya terdiri daripada Pegawai Psikologi merangkap Kaunselor Berdaftar Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPMKB Muhammad Abdul Rahim Habib dan Vanessa Anne.

Forum ini mengupas tentang memahami dasar keharmonian yang ada di



**FOKUS:** Sebahagian para pelajar UPMKB yang hadir.

Malaysia dan cara masyarakat pelbagai kaum di Ma-

laysia dapat hidup secara harmoni.

Forum ini telah dihadiri ramai pelajar UPMKB.